

PENGHUNI pusat jagaan meluahkan masa bersama dalam Program Santuni Warga Pusat Jagaan Nur Hasanah anjuran Kumpulan Perangsang Selangor Berhad di Kampung Sesapan Kelubi.



'KAMI BAHAGIA DI SINI'

■ Warga tua gembira, seronok tinggal di pusat jagaan tanpa menyusahkan sesiapa

Suraya Roslan

suraya@hmetro.com.my

Beranang

Melihat wajah warga emas ini, tersimpan pelbagai peristiwa suka duka di raut muka yang sudah dimamah usia namun hakikatnya mereka sebenarnya seronok tinggal di rumah orang tua.

Diberi penjagaan rapi, ternyata layanan diberikan memang 'kelas pertama' dan mereka hanya fokus melakukan ibadah.

Bagi dua penghuni Pusat Jagaan Nur Hasanah, Kampung Sesapan Kelubi, di sini, mereka sebenarnya bukan dibuang keluarga tetapi melarikan diri untuk tinggal di rumah orang tua itu atas pelbagai faktor.

Bagi Hashim Yaacob, 63, dia sudah menghuni pusat berkenaan selama empat tahun dan memerlukan penjagaan rapi selepas kaki kanan dan semua jari kaki kiri dipotong akibat kencing manis.

"Saya tidak mahu menyusahkan adik-beradik lain dan berasa selesa tinggal di rumah ini selain ada rakan untuk berbual.

"Fokus saya sekarang adalah untuk beribadat dan memperbanyakkan amal sebelum menutup mata, tiada istilah dipinggirkan keluarga kerana kami mahu tinggal di sini," katanya yang bercerai dengan isteri dan mempunyai seorang anak perempuan.

Menurutnya, anak perempuannya berusia 17 tahun tinggal bersama adik bongsunya dan kerap mengunjunginya di rumah itu.

"Saya bahagia di sini, ada

rakan dan keadaan di rumah ini juga selesa. Apa yang penting, kami juga kerap menerima kunjungan orang luar yang prihatin dengan nasib warga emas di rumah berkenaan," katanya.

Dia ditemui dalam Program Santuni Pusat Jagaan Nur Hasanah anjuran Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) diketuai Pengarah Bersekutu, Perhubungan Awam Media dan Tanggungjawab Sosial Korporat Mohd Fauzi Mohd Ghazali, semalam.

Selain Hashim, pendapat sama dikongsi warga emas dikenali sebagai Ahmad, 67, yang sudah tujuh tahun menetap di rumah berkenaan selepas patah tulang tengkuk akibat kemalangan.

"Saya berada di hospital selama empat bulan dan meminta ditempatkan di rumah orang tua ini supaya tidak

menyusahkan lapan adik beradik lain.

"Rumah ini sangat selesa dan saya dijaga dengan rapi selain memudahkan untuk saya ke Hospital Rehabilitasi Cheras bagi melakukan fisioterapi setiap bulan," katanya.

Menurutnya, dia yang bercerai dengan isterinya dan tidak mempunyai anak bersyukur kerana anak saudara dan adik beradik lain kerap mengunjunginya di rumah itu.

"Saya mempunyai 63 anak saudara dan mereka kerap menghubungi saya untuk bertanya khabar.

"Ada antara adik beradik mempelawa saya tinggal dengan mereka, tetapi saya menolak berikutan lebih selesa di sini bersama rakan yang lain," katanya.

Setiausaha Pusat Jagaan Nur Hasanah Aidah Jaamat berkata, setakat ini mereka mempunyai 20 penghuni yang berusia antara 40-an hingga 70-an dan kebanyakannya mereka dirujuk oleh hospital.

"Pusat Jagaan Nur Hasanah dibuka hasil inisiatif Persatuan Pegawai Kerja Sosial Perubatan Malaysia dan bagi mengisi 'kekosongan' jiwa penghuni yang rata-ratanya warga emas, kami me-

nyediakan pelbagai program termasuk berunsur keagamaan selain aktiviti luar dan berkebun.

"Walaupun sudah berusia, penting untuk kami menguatkan lagi semangat mereka untuk meneruskan hidup dan gembira berada di pusat jagaan ini tanpa keluarga atau waris terdekat mereka.

"Kebanyakan mereka menghidap penyakit seperti asma, kencing manis, darah tinggi, buah pinggang dan sakit tua. Mereka dirujuk dari hospital kerajaan kerana

beberapa faktor antaranya tiada waris datang mengambil selepas mereka pulih," katanya.

Sementara itu, Mohd Fauzi berkata, program santuni itu sebagai satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) Perangas Selangor dalam aktiviti kebajikan.

"Matlamat kami untuk menjalinkan dan mengeratkan silaturahim dan ukhuwah di antara kakitangan dan penghuni pusat ini.

"Kami juga menyampaikan sumbangan bantuan bernilai RM7,300 seperti projektor, penyejuk, wang tunai serta keperluan asas lain dan juga gotong-royong membersihkan kawasan sekitar," katanya.

FAKTA

Penghuni diberi penjagaan rapi, layanan kelas pertama dan hanya fokus melakukan ibadat